

# Pakar, saintis tempatan perlu kukuhkan kerjasama di peringkat antarabangsa

**KUALA LUMPUR 2 Dis.** - Kerjasama antara pakar dan saintis tempatan dengan antarabangsa bagi aktiviti pemuliharaan dan penggunaan lestari hasil tanaman perlu diperkukuhkan khususnya bagi menyokong serta melengkapkan usaha negara-negara membangun dalam menghadapi peralihan ekonomi seperti Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangu berkata, Malaysia perlu mengambil langkah itu selain berusaha sedaya-upaya menyediakan kapasiti dan sokongan kewangan bagi menjamin kualiti, pengeluaran dan bekalan makanan negara selamat.

Katanya, penghasilan tanaman yang terjejas akibat pelbagai penyakit boleh memberi impak negatif kepada ekonomi negara sekali gus mengakibatkan indus-

tri tempatan seperti makanan, farmasi, kosmetik dan perubatan mengalami kerugian.

“Kerajaan menyedari pertanian antara sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Justeru, adalah penting untuk memastikan penghasilan tanaman negara selamat dan lestari untuk generasi pada masa hadapan.

“Saya difahamkan terdapat teknologi baharu yang dikenali sebagai ‘omics’, penanda molekul dan manipulasi genetik yang telah digunakan di banyak negara maju untuk merawat tanaman yang berpenyakit serta menghasilkan tanaman yang lebih baik,” katanya.

Beliau berucap dalam Persidangan Antarabangsa Pembaikan Tanaman bertemakan Kelestarian melalui Teknologi Termaju di Auditorium Kejuruteraan Universiti

Putra Malaysia (UPM), Seri Kemangan dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Samsuddin, Pengarah Institut Pertanian Tropika UPM, Prof. Dr. Zulkifli Idrus dan Pengerusi Persidangan tersebut, Prof. Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah.

Persidangan yang diadakan selama dua hari bermula hari ini itu merupakan anjuran Fakulti Pertanian UPM yang bekerjasama dengan University of Nottingham, University of Reading dan University of Wageningen.

Persidangan itu menggariskan terdapat pelbagai punca yang boleh menyebabkan penyakit terhadap tanaman antaranya bencana alam, perubahan iklim, masalah struktur tanah dan perbuatan manusia.



**MADIUS TANGAU (tiga dari kiri) mendengar penerangan mengenai produk simpanan kotak pemanas solar disinfektasi serangga perosak ketika melawat tapak pameran dalam Persidangan Antarabangsa Pembaikan Tanaman di UPM, Serdang, semalam.**

**- UTUSAN/  
MD.SHAH  
JEHAN  
MAAMIN**



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

